

03/11/1997

Belia sokong pucuk pimpinan

KUCHING, Ahad - Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (Saberkas), selaku pertubuhan belia terbesar di negeri ini, melahirkan keyakinan penuh terhadap Perdana Menteri dan timbalannya, dalam menangani masalah ekonomi yang melanda negara kini.

Malah, Saberkas juga memuji cara dan pendekatan yang dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam menangani krisis yang melanda mata wang negara.

Timbalan Presiden Saberkas, Datuk Abang Johari Tun Openg, berkata setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu bersatu menyokong segala usaha pucuk pimpinan negara bagi menangani masalah berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian berkata, ini perlu bagi mengembalikan keyakinan negara dalam menangani masalah terbabit, terutama apabila masalah yang wujud berpunca daripada manipulasi asing.

Katanya, apa yang berlaku sekarang berpunca daripada pihak luar.

(END)